

Gagal patuh perintah award tribunal pengguna

Syarikat pakej umrah, suami isteri didakwa 63 pertuduhan

Pasangan tak mengaku salah ingkar bayar RM589,031

Oleh Faris Fuad

faris.fuad@bh.com.my

Putrajaya: Sebuah syarikat pengendali pakej umrah bersama dua pengarahnya didakwa di Mahkamah Majistret semalam, atas 63 pertuduhan gagal mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) membayar balik tuntutan wang berjumlah RM589,031 kepada 21 mangsa.

Syarikat berkenaan, Emraz Travel & Tours Sdn Bhd diwakili dua pengarah berkenaan iaitu Datuk Zulkarnain Endut, 43, dan Datin Mazuin Mustafa, 43, yang juga suami isteri.

Pasangan terbabit mengaku tidak bersalah, sejour pertuduhan dikemukakan terhadap mereka di hadapan Majistret, Irza Zulaikha Rohanuddin.

Mengikuti pertuduhan, Emraz Travel & Tours Sdn Bhd sebagai



Zulkarnain dan Mazuin hadir di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

sebuah syarikat dengan Zulkarnain dan Mazuin, selaku orang kena saman (OKS) masing-masing berdepan 21 pertuduhan kerana gagal mematuhi award TTPM berkenaan.

Kesalahan didakwa dilakukan di pejabat TTPM di Aras 5, Podium 2, No 13, Persiaran Perdana Pre-

sint 2, di sini, antara 8 Jun hingga 25 Ogos 2023.

Pendakwaan mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun jika sabit kesalahan.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Sophian Zakaria, mencadangkan kedua-dua OKS masing-masing diikat jamin RM42,000 dengan seorang penjamin.

“Memandangkan OKS biasa ke luar negara, kita mohon pasport diserahkan kepada mahkamah. Selain itu, OKS perlu melaporkan diri di pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) di Putrajaya setiap bulan.

“Kes ini berprofil tinggi, serius dan tak remeh walaupun hanya kes saman, ia membabitkan ratusan award dan kerugian ratusan ribu ringgit,” katanya.

Bagaimanapun, peguam bela ketiga-tiga OKS, Datuk Hanif Hassan, membantah sebarang jaminan dikenakan kerana tiada keperluan, namun bersetuju dengan syarat tambahan iaitu pasport diserahkan pada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat KDN.

“Dalam masa setahun, OKS ada membuat bayaran tuntutan tetapi tidak secara keseluruhan. Nampak usaha mereka untuk selesai, namun pada Julai lalu, lesen syarikat digantung.

“Sekurang-kurangnya mereka berusaha membuat bayaran, kena

lihat situasi menang-menang,” katanya.

Jaminan RM6,300

Majistret kemudian membenarkan jaminan RM6,300 terhadap kedua-dua pengarah itu dan syarat tambahan seperti dicadangkan pendakwaan.

Sebutan semua kes ditetapkan 26 Februari ini.

Media melaporkan lesen Emraz Travel & Tours Sdn Bhd digantung selama enam bulan berkuat kuasa hingga 9 Januari lalu.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing, dipetik berkata perkara itu diputuskan selaras Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482) di bawah subseksyen 8(1)(d) iaitu menjalankan perniagaan mengikut cara yang memudaratkan kepentingan orang awam, industri pelancongan atau ekonomi negara.

Pada 2 April tahun lalu, Lembaga Tabung Haji (TH) menggantung lesen Pengelola Jemaah Haji (PJH) Emraz Travel & Tours sebagai langkah awal untuk melindungi kebajikan bakal jemaah haji susulan aduan awam berkenaan perkhidmatan umrah yang ditawarkan syarikat terbabit.